

# PRULink Education Equity Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	Untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan mengambil kira keperluan untuk memenuhi pendapatan terjamin. Ini dicapai dengan melabur di dalam saham-saham berkualiti tinggi yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan instrumen kewangan lain yang digunakan untuk melindungi nilai portfolio itu.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p><b>Strategi Pelaburan</b> Melabur dalam saham berkualiti tinggi yang disenaraikan di Bursa Malaysia secara langsung atau tidak langsung melalui <b>PRULink Equity Fund</b> atau mana-mana dana <b>PRULink</b> seumpamanya, yang lazimnya melabur dalam portfolio terpelbagai yang terdiri daripada ekuiti dan sekuriti-sekuriti berkaitan ekuiti yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Dana tersebut mungkin boleh melabur dalam mana-mana instrumen kewangan yang digunakan untuk melindungi nilai portfolio.</p> <p><b>Pendekatan Pelaburan</b> Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan yang diarah oleh penilaian dan yang disiplin boleh menjanakan pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang.</p> <p>Ketidakcekan penetapan harga yang disebabkan tingkah laku pelabur yang tidak munasabah boleh dieksploitasi melalui penyelidikan aktif dalaman dan pengurusan portfolio. Penetapan harga salah yang berjaya dieksploitasi dan dikekalkan memerlukan penerapan cara penilaian kami yang disiplin. Proses kami mencari cara menyingkirkan kelakuan berat sebelah yang membawa kepada penetapan harga yang salah dalam kejadian pertamanya.</p> <p>Dengan membuat anggapan yang konservatif terhadap ramalan pendapatan mereka untuk memastikan sasaran penilaian dalaman boleh dicapai. Tetapi, pada masa yang sama, mereka tidak menyingkirkan potensi peluang dengan mengambil risiko yang sudah diperhentikan dalam masa yang tidak stabil ini yang cenderung kepada kejadian sekelilingnya.</p> <p>Pengurus Dana mengikut darjah kekonsistenan yang tinggi dalam jangka masa panjang untuk semua dana, di samping berpegang teguh kepada garis panduan yang tegas dan profesional.</p>
Peruntukan Aset	Dana melabur sehingga 100% Dana NAV di Bursa Malaysia secara langsung atau tidak langsung melalui <b>PRULink Equity Fund</b> atau mana-mana dana <b>PRULink</b> seumpamanya, yang lazimnya melabur dalam portfolio terpelbagai yang terdiri daripada ekuiti dan sekuriti-sekuriti berkaitan ekuiti yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair dan mana-mana instrumen kewangan lain yang diguna untuk melindungi nilai portfolio.
Piawaian Prestasi	FTSE-Bursa Malaysia Top100 Index (FBM 100) <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari <a href="http://www.bursamalaysia.com/market">www.bursamalaysia.com/market</a></i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
<b>Yuran &amp; Caj</b>	
Caj Pengurusan Dana	1.50% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada


\* Dana hanya ditawarkan apabila pemegang polisi membeli **PRU**Edusaver.

# PRULink Education Equity Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana

PRULink Education Equity Fund Vs. FTSE-Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100)



**Nota:** Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Education Equity Fund	Piawaian Prestasi FTSE-Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100)
2014	-3.70%	-6.17%
2015	-0.29%	-2.89%
2016	-1.11%	-2.45%
2017	12.33%	12.74%
2018	-6.33%	-9.28%
2019	-1.67%	-2.88%
2020	7.25%	3.48%
2021	0.00%	-4.24%
2022	-0.08%	-5.42%
2023	3.03%	0.64%

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2023

Notis: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan / dasar, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

# PRULink Education Equity Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

## Risiko-Risiko Pelaburan

Sila rujuk kepada Lampiran untuk butir-butir senarai Risiko-Risiko Pelaburan di bawah yang mengikut urutan kepentingan:

- (A) Risiko Pasaran
- (B) Risiko Saham
- (C) Risiko Kecairan
- (D) Risiko Kadar Faedah
- (E) Risiko Negara
- (F) Risiko Tiada-Pematuhan
- (G) Risiko Penumpuan
- (H) Risiko Syarikat Pengurusan
- (I) Risiko Inflasi
- (J) Risiko Pengurus Pelaburan

## Pengurusan Risiko

### Peramalan Risiko

Risiko yang berpotensi timbul akan dipertimbangkan dalam proses peruntukan sektor dan pilihan stok yang berdasarkan analisis pelbagai faktor-faktor penting seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek-aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti tersebut.

### Kawalan Sistem

Had risiko ditetapkan secara dalaman untuk setiap dana dan bergantung kepada profil risiko pelanggan. Had risiko tersebut termasuk pengeluar bet, kumpulan pengeluar, pengkadaran sektor dan saiz isu sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Satu sistem depan pejabat ditempatkan untuk mengawasi risiko portfolio, yang bertugas sebagai penapis automatik untuk had-had atau keadaan pecah amanah.

# PRULink Education Equity Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran Sasaran</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelabur yang mencari nilai modal yang tinggi.</li><li>• Daya toleransi risiko tinggi.</li><li>• Pengalaman pelaburan dalam jangkamasa sederhana ke panjang.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar &amp; Kekerapan Tarikh Penilaian</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi dana <b>PRULink Education</b> tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana <b>PRULink Education</b> selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Berkenaan dengan sesuatu Tarikh Penilaian, Harga Unit untuk <b>PRULink Education Fund</b> akan dikira satu hari perniagaan selepas Tarikh Penilaian dan diterbitkan dua hari perniagaan selepas Tarikh Penilaian.</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperolehi dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keadaan-keadaan Luar Biasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan atau penebusan aset mana-mana dana <b>PRULink Education</b> yang luar biasa besarnya dalam jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusan niaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/ dari mana-mana dana <b>PRULink Education</b>.</li></ul> <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>